



# Buletin

## Psikologi & Kaunseling

Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak

**Bil 1 Tahun 2020**



**Penasihat I**

Haji Ismail Bin Haji Mohamad Hanis

**Penasihat II**

Puan Sharifah Rohana Binti Datu Wan Alwi

**Ketua Editor**

Riziandy Bin Nawawi

**Editor**

Hayati Binti Sahari  
Adeline Ho Chin Pei

**Pereka Grafik**

Radzmilini Bin Rejini

**Penilai**

Asst. Prof. Dr Muhamad Ariff Bin Ibrahim  
Department of Nutrition Sciences,  
Kulliyah of Allied Health Sciences,  
International Islamic University Malaysia,

Dr. Jamayah Binti Saili  
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia,  
Universiti Malaysia Sarawak

**BULETIN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK**

BILANGAN 1 TAHUN 2020

**Hak Cipta Terpelihara 2020**

Penerbitan Buletin Penyelidikan Psikologi Dan Kaunseling Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak diterbitkan secara tahunan. Kandungan dan artikel buletin ini tidak dibenarkan untuk dikeluarkan ataupun diulang oleh mana-mana pihak dalam apa juga bentuk sama ada dalam bentuk elektronik, rakaman atau fotokopi tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:  
UNIT SUMBER MANUSIA NEGERI  
JABATAN KETUA MENTERI  
TINGKAT 9, 10 & 11,  
WISMA BAPA MALAYSIA,  
93050 PETRA JAYA,  
SARAWAK.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada warga PANS, ahli-ahli SCS-KSP Khidmat Sokongan Pekerja dan SCS-CoP (Community of Practice) atas sumbangan artikel yang diberi.



TAJUK	MUKASURAT
1. Amalan Melestarikan Kesejahteraan Diri Dalam Kalangan Kaunselor	2
2. Isu Dan Cabaran: Pengalaman Kaunselor Mengendalikan Talian Sokongan Psikologi Semasa Penularan Wabak Covid-19	9
3. Kenali Lima Jenis Penyakit Membunuh Rakyat Malaysia Dan Bagaimana Kaunselor Boleh Membantu	18
4. Persepsi Pekerja Khidmat Sokongan Terhadap Perkhidmatan Kaunseling: Kajian Kualitatif Di Syarikat Swasta, Kuching	26
5. Positive Mind Reformation	33
6. Job Stress As A Predictor For Job Satisfaction Amongst Police Officers In Malaysia	37
7. Perkhidmatan Kaunseling Di Organisasi	42
8. Psychometric Testing	49

**Unit Sumber Manusia Negeri  
Jabatan Ketua Menteri  
Tingkat 9, 10 & 11  
Wisma Bapa Malaysia,  
93502 Kuching,  
Malaysia.**

**Tel : 082-313 713  
Fax: 082-447214**



# PERSEPSI PEKERJA KHIDMAT SOKONGAN TERHADAP PERKHIDMATAN KAUNSELING: KAJIAN KUALITATIF DI SYARIKAT SWASTA, KUCHING

Dr. Jamayah Sairi & Iffah Rhadiyah Mohamad Haikal

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

## Abstrak

Pekerja khidmat sokongan terdedah kepada tekanan kerja disebabkan pelbagai faktor. Ini memberi sumbangan kepada persepsi mereka terhadap perkhidmatan kaunseling dalam menangani isu mereka yang merupakan objektif kajian ini. Seramai tujuh orang pengawal keselamatan di sebuah syarikat swasta Kuching telah ditemubual secara berstruktur menggunakan satu set soalan. Sampel bertujuan merupakan kaedah untuk memilih peserta manakala analisa tematik digunakan untuk menganalisa data kajian. Pengkaji menggunakan pendekatan Teori Pilihan iaitu Keperluan Asas dalam Dunia Kualiti seseorang yang meliputi aspek kasih sayang dan kepunyaan; kuasa, keseronokan, kebebasan dan kelangsungan hidup mereka. Hasil analisis temubual mendapati bahawa antara punca pihak pekerja tidak mendapatkan khidmat kaunseling adalah memikirkan bahawa ianya berbayar, kekangan masa, sumber rujukan yang terhad serta kurangnya sikap keterbukaan. Walaubagaimanapun para pekerja menyatakan bahawa kaunseling penting untuk penyelesaian masalah, mengubah sikap, perkongsian ilmu, mengurangkan tekanan dan menyediakan tempat untuk meluahkan. Limitasi kajian ini adalah ia dilaksanakan kepada satu kategori pekerja dan di sebuah organisasi sahaja.

**Kata Kunci:** Persepsi, Pekerja Khidmat Sokongan, Perkhidmatan Kaunseling, Syarikat Swasta

## Pengenalan

Tekanan merupakan satu fenomena yang tidak asing lagi dan sering dikaitkan dengan prestasi kerja, kesihatan dan tahap produktiviti individu terutama yang bergelar pekerja (Kamaruddin, 2013). Majikan perlu merikibberatkan tentang kebajikan pekerja termasuklah strategi dalam mengatasi isu yang dihadapi oleh pekerja khususnya dalam menangani tekanan contohnya dengan menyediakan khidmat kaunseling. Berkenaan dengan strategi untuk mengatasi tekanan dalam kalangan pekerja, majikan perlu tahu bahawa khidmat kaunseling merupakan satu langkah yang proaktif untuk mengetengahkan dan membincangkan masalah dihadapi pekerja yang melibatkan masalah emosi dan boleh membantu untuk menangani isu secara efektif (Ajila, & Adetayo, 2013; Gerstmann, 2014). Kajian ini meneroka persepsi pekerja khidmat sokongan di Syarikat Swasta di Kuching terhadap perkhidmatan kaunseling.